



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Keselamatan Dan kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**CADANGAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN BERKALA SECARA KOMPREHENSIF SEPULUH (10) UNIT LIF
DI IBU PEJABAT MARA, 21 JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR BAGI SESI 2019 / 2022**

NO. SEBUTHARGA	KOD BIDANG	TEPOH PENJUALAN SEBUTHARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
086/2019/23	020505	28/08/2019 Hingga 03/09/2019	04/09/2019 (RABU) MASA PENDAFTARAN : 09.30-10.00 PG MASA TAKLIMAT : 10.00 PG - 12.00 TGH BILIK MESYUARAT PENGURUSAN Bahagian Pengurusan Aset & Perolehan Tingkat 17, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur	RM5.00	10/09/2019 (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:

- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- BERDAFTAR SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN LIF/ESKALATOR dengan JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP).

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi taklimat dan membeli dokumen. Pembekal hendaklah membawa cop syarikat semasa menghadiri Taklimat Sebutharga. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebutharga boleh dibuat secara WANG POS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebutharga bagi setiap sebutharga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebutharga sahaja.
4. Dokumen sebutharga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebutharga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat sebutharga dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan BERDAFTAR SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN LIF/ESKALATOR DENGAN JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebutharga.

6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebutharga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
Pada atau sebelum tarikh tutup sebutharga jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebutharga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>